

Syarikat utiliti perlu buat pemetaan bawah tanah

Kuala Lumpur: Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif akan berjumpa dan berbincang dengan semua agensi yang mempunyai utiliti bawah tanah bagi mengelakkan insiden tanah jertus seperti di Jalan Masjid India kelmarin, berulang.

Katanya, mesyuarat yang dirancang diadakan pada masa terdekat itu untuk berbincang mengenai pemetaan utiliti bawah tanah.

“Saya sudah melihat bahawa kita ada GIS (Sistem Maklumat Geografi), selain itu kita perlu ada pemetaan, bukan sahaja dari segi utiliti, pemetaan dari segi kemudahan-kemudahan DBKL juga diperlukan.

“Contohnya kawasan lapang, mana yang telah diwartakan dan mana yang telah pun yang ada vandalisme, mana yang perlu dinaik taraf,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan program Gotongroyong Mega Merdeka Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang turut dihadiri Ahli Parlimen Lembah Pantai merangkap Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil, di sini semalam.

Program pembersihan secara serentak membabitkan 11 kawasan Parlimen di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur itu, julung kali diadakan sempena sambutan Hari Kebangsaan 2024.

Insiden jam 8.20 pagi kelmarin menyaksikan seorang warga

wanita India, Jayaletchumy, 48, tiba-tiba terjerlus ke lubang sedalam lapan meter ketika berjalan bersama keluarganya di hadapan Malayan Mansion, Jalan Masjid India.

Dalam pada itu, Maimunah memaklumkan DBKL memetakan 35 lokasi hotspot banjir setakat ini.

“Sebelum ini ada 21 hotspot banjir dan disebabkan perubahan cuaca, kita dalam beberapa hari yang lalu telah melakukan perbincangan dan melihat ada 14 hotspot lagi yang dikenal pasti,” katanya.

Terdahulu, Fahmi menyarankan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), agensi terbabit serta syarikat utiliti bekerjasama membuat pemetaan utiliti bawah tanah bagi mengelakkan insiden

“Kita perlu ada pemetaan, bukan sahaja dari segi utiliti, pemetaan dari segi kemudahan DBKL juga diperlukan”

Maimunah Mohd Sharif,
Datuk Bandar Kuala Lumpur



tidak diingini, terutama ketika pembangunan sesuatu projek.

Katanya, pemetaan utiliti itu penting bagi melihat keadaan di bawah tanah, kebanyakannya mempunyai saluran perpaipan dan kabel elektrik, yang ada kalanya tidak dipetakan pihak utiliti.